



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### 700 PELUANG PEKERJAAN MELALUI PROGRAM *MYLESEN* *GOODS DRIVING LICENSE 2.0 (GDL 2.0)*

Dengan sukacitanya Kementerian Pengangkutan Malaysia ingin memaklumkan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah memulakan pendaftaran program *MyLESEN Goods Driving License 2.0 (GDL 2.0)*.

Program MyLESEN GDL 2.0 ini bertujuan untuk membantu syarikat logistik dan pengangkutan dalam menyelesaikan masalah kekurangan pemandu kenderaan barang dan ia dijangka dapat membuka 700 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang mana ramai terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19.

Inisiatif ini dilancarkan selaras dengan Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan dan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030. Pendaftaran kini dibuka sehingga 31 Disember 2021 kepada warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas, yang mempunyai Competent Driving License (CDL) kelas D atau E. Pemohon hendaklah tidak disenaraihitamkan oleh mahkamah, JPJ atau PDRM.

Di bawah program MyLESEN GDL 2.0 ini, warganegara Malaysia yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan berpeluang menjalani kursus pemanduan kenderaan perdagangan bagi memiliki lesen memandu (E Full) dan Goods Driving License (GDL) Bersendi dengan sebahagian kos disubsidi oleh Kerajaan. Peserta juga akan menerima elaun sekali bayar (one –off) sebanyak RM 500.00.





Pendaftaran program ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan, manakala kursus pemanduan akan dilaksanakan di Institut Memandu (IM) yang memenuhi kriteria kelayakan dan terpilih di seluruh negara.

Program MyLESEN GDL 2.0 ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan seiring dengan aspirasi Keluarga Malaysia, di samping memperkasakan industri logistik dan tenaga kerjanya.

Pendaftaran peserta dan syarikat yang berminat boleh dilakukan di pautan berikut:

Syarikat : <https://forms.gle/S6ryiJcaXaiFsJLz7>

Calon Pemandu : <https://forms.gle/hTvePaM6bTesTxidE8>

Sebarang persoalan boleh dikemukakan ke email: [mygdl2.0@mot.gov.my](mailto:mygdl2.0@mot.gov.my)





## 700 JOB OPPORTUNITIES THROUGH MYLESEN GDL 2.0

We are pleased to announce that the Road Transport Department (JPJ) under the Ministry of Transport have begun registrations for the MyLESEN Goods Driving License 2.0 (GDL 2.0).

GDL 2.0 is aimed at helping logistics and transportation companies to address driver shortages for goods vehicles with job opportunities for 700 Malaysians to qualify as professional movers at a time when many are affected by the COVID-19 pandemic and its economic impact.

Registration for this initiative under the Logistics and Trade Facilitation Masterplan and the National Transport Policy (DPN) 2019-2030 is now open until 31 December 2021 for Malaysians aged 21 and above who possess Class D or E Competent Driving License (CDL). Candidates must not be blacklisted by the courts, JPJ or the Royal Malaysian Police.

Under MyLESEN GDL 2.0, the Government will subsidise candidates in taking their E Full and Articulated GDL (Bersendi) to enable them to take on vacancies in the logistics industry upon completion. Additionally, candidates will also receive a one-off allowance of RM500.

Registrations are subject to terms and conditions stipulated while driving courses will be held in selected qualified driving schools nationwide.

The implementation of MyLESEN GDL 2.0 is an initiative under the aspirations of the Malaysian Family (Keluarga Malaysia) and to bolster the logistics industry and support its workforce.





Interested potential candidates may register through the following:

Company : <https://forms.gle/S6ryiJcaXaiFsJLz7>

Candidates : <https://forms.gle/hTvePaM6bTesTxdE8>

Queries on MyLESEN GDL 2.0 : [mygdl2.0@mot.gov.my](mailto:mygdl2.0@mot.gov.my)

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
20 DISEMBER 2021**

**- TAMAT -**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Tel : 1800-88-7723  
Faks : 03-8892 0208  
E-mel : [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)